

**RINGKASAN PENEMUAN AUDIT PEMANTAUAN SEMAKAN 1
PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PADA MINGGU PERKASA PUTRA
SEMESTER 2016/2017
31 OGOS 2016**

Audit Pemantauan Semakan 1 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi Skop Pendaftaran Pelajar Baharu pada Minggu Perkasa Putra telah diadakan pada 31 Ogos 2016 bagi kemasukan pelajar Semester 2016/2017. Juruaudit yang terlibat adalah Cik Efizan Zamri dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Hasil pengauditan tersebut, berikut adalah ringkasan penemuan audit dan perkara yang perlu diambil perhatian adalah:

Ringkasan Penemuan Audit

1. Penambahbaikan pada proses verifikasi pelajar yang mendaftar – Verifikasi pelajar yang mendaftar boleh menggunakan kad pengenalan atau dokumen lain yang bersesuaian bagi memastikan pelajar yang mendaftar pada hari tersebut adalah pelajar yang sebenar. Cadangan proses verifikasi adalah di kaunter 1 (Semakan)
2. Penambahbaikan pada proses kawalan rekod pelajar – Penentuan/klasifikasi fail pelajar perlu dijelaskan supaya pengendalian rekod lebih teratur dan mengikut kawalan yang ditetapkan (kawalan keselamatan maklumat sehingga pelupusan rekod)

Persediaan untuk audit pada 29 – 30/9/2016 (susulan audit pada 31/8/2016)

1. Urusan pengesahan kesihatan pelajar di Pusat Kesihatan Universiti (Tindakan: **Pusat Kesihatan Universiti**)
2. Resit pembayaran yang disimpan oleh Pejabat Bursar – Proses simpanan dan pengendalian resit tersebut (Tindakan: **Pejabat Bursar**)
3. Permohonan Kad Pelajar – Proses penyediaan dan penyerahan kad pelajar (Tindakan: **Bahagian Keselamatan Universiti**)